

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

SOALAN :

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah kerangka kerja dan halatuju ke arah pembangunan sektor bio bahan api di bawah Dasar Bio Bahan Api Negara. Adakah Malaysia sudah bersedia untuk menyaiurkan bahan api berasaskan sawit sebagai bahan ganti tenaga pada masa akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Bio Bahan Api Negara menggariskan lima teras utama iaitu :

- (i) Biobahan api untuk sektor pengangkutan;
- (ii) Biobahan api untuk sektor industri;
- (iii) Teknologi biobahan api;
- (iv) Biobahan api untuk eksport; dan
- (v) Biobahan api untuk alam sekitar yang lebih bersih.

Dalam hal ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah berjaya mengkomersialkan teknologi pengeluaran metil ester sawit (biodiesel sawit). Sehingga kini, teknologi MPOB dalam pengeluaran biodiesel sawit telah dikomersilkan di mana lima (5) buah kilang biodiesel sawit bergred biasa dan tiga (3) buah kilang bergred musim sejuk beroperasi dalam negara. Selain itu, dua (2) buah kilang biodiesel sawit di Thailand dan sebuah kilang di Korea Selatan dan Colombia, masing-masing menggunakan teknologi MPOB.

Dari segi eksport, Malaysia telah mengeksport biodiesel ke luar negara khususnya di Kesatuan Eropah. Semenjak 2006, sejumlah 1.2 juta tan biodiesel sawit telah dieksport ke luar negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di peringkat domestik, MPOB turut melaksanakan ujian lapangan komprehensif dengan syarikat-syarikat automotif mengenai kesesuaian penggunaan adunan biodiesel sawit dengan diesel petroleum. Hasil daripada pelaksanaan ujian lapangan ini, mulai November 2014, Program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara dan program ini menggunakan sebanyak 350,000 tan minyak sawit setahun. Adalah dianggarkan sebanyak 1 juta tan emisi karbon dioksida dapat dikurangkan melalui Program B7.

Sekian, terima kasih.